


BERITA NASIONAL TERKINI

## Tiada jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam Kabinet Ismail Sabri



ISMAIL SABRI YAAKOB

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan JUANI MUNIR ABU BAKAR · 27 Ogos 2021, 11:26 am



PUTRAJAYA: Barisan Kabinet baharu di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiada pelantikan Timbalan Perdana Menteri.

Perkara itu diumumkan Ismail Sabri hari ini yang sebelum ini jawatan berkenaan digalas oleh beliau.

“Saya berharap barisan Kabinet ini menjalankan tugas diberikan dengan amanah demi rakyat dan negara,” katanya.

Sebaliknya beliau melantik empat menteri kanan.

Perdana Menteri ketika mengumumkan barisan Kabinetnya, empat menteri kanan itu adalah Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Kanan Kerja Raya; Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Mohd. Radzi Jidin.-

UTUSAN